

Kertas Model 2

TEMA 3 – 4

BAHASA MELAYU [011]**Satu jam lima belas minit**

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Seni bina rumah tradisional di perkampungan budaya itu sungguh _____.

- A kecil
- B halus
- C ringan
- D lembut

**Cara menjawab soalan**

Teliti penggunaan kata adjektif yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Ibu menyimpan alatan yang tajam di dalam laci _____ tidak dapat dicapai oleh adik kecil.

- A kerana
- B bahawa
- C supaya
- D sementara

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

- 3
- A Ayah bangun atau menuju ke beranda rumah.
 - B Manjit membaca komik sementara menunggu bas tiba.
 - C Cheong menggilap basikal baharunya semoga berkilat.
 - D Zaki dan adiknya pergi ke sekolah selepas berjalan kaki.

**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat dengan telitinya.
2. Kenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat supaya dapat memilih ayat yang betul dan tidak mengandungi kesalahan bahasa.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Saya membonceng motosikal ayah ketika pulang dari pasar malam. Tiba-tiba, saya dan ayah ternampak suatu kemalangan yang melibatkan sebuah kereta dan sebuah motosikal di selekoh jalan.

Sebuah kereta yang dipandu laju telah hilang kawalan lalu melanggar seorang penunggang motosikal yang melalui jalan tersebut. Penunggang motosikal itu telah terpelanting lalu terjatuh di bahu jalan.

Ayah terus memberhentikan motosikal di bahu jalan untuk memberikan bantuan. Pemandu kereta hanya cedera ringan manakala penunggang motosikal patah kaki kiri. Ayah segera menelefon ambulans. Seorang saksi lain pula menelefon polis untuk melaporkan kejadian tersebut.



Ayat ini menunjukkan bahawa kejadian kemalangan itu berlaku di selekoh jalan.

- 4 Kemalangan itu berlaku di
- A bahu jalan.
 - B balai polis.
 - C pasar malam.
 - D selekoh jalan.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Pemandu kereta patah kaki kiri.
 - B Kemalangan itu melibatkan kereta dan motosikal.
 - C Penunggang motosikal hanya mengalami kecederaan ringan.
 - D Ayah penulis menelefon polis untuk melaporkan kejadian kemalangan.
- 6 Yang berikut ialah keterangan tentang penulis berdasarkan petikan *kecuali*
- A terjatuh di bahu jalan.
 - B membonceng motosikal.
 - C baru pulang dari pasar malam.
 - D menyaksikan kejadian kemalangan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Tarian Singa merupakan tarian tradisional masyarakat Cina yang popular di negara kita. Dua orang penari Tarian Singa memakai kostum singa yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu kostum kepala singa dan bahagian belakang kostum singa. Kostum singa yang digunakan berwarna merah, jingga, dan kuning. Kostum ini memiliki sisik dan empat kaki. Kepala kostum pula mempunyai mata yang besar, bercermin, dan ada kalanya bertanduk. Kedua-dua orang penari akan bergerak seakan-akan singa dengan pergerakan yang *menakjubkan*. Alat-alat muzik tradisional yang digunakan pula termasuklah simbal, rebana, dram, dan tambur.

BAHAN 2

PERSEMBAHAN TARIAN SINGA

Tarikh: 24 Februari 2024
Masa: 8:00 malam
Tempat: Stadium Tertutup Arena Johor Bahru

Semua dijemput hadir.

Saksikan persembahan yang menakjubkan dan penuh warna-warni.

7 Kostum Tarian Singa terdiri daripada

- A dua bahagian.
- B tiga bahagian.
- C empat bahagian.
- D lima bahagian.

8 Kepala kostum pula mempunyai mata yang besar, bercermin, dan ada kalanya bertanduk.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C bentuk.
- D pasang.



Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

9 Perkataan *menakjubkan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A mengagumkan.
- B membosankan.
- C memberanikan.
- D menghairankan.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Persembahan Tarian Singa diadakan pada waktu siang.
- B Kostum Tarian Singa berwarna merah, jingga, dan hijau.
- C Persembahan Tarian Singa tidak memerlukan iringan muzik.
- D Rebana merupakan alat muzik yang digunakan dalam Tarian Singa.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Wah, menarik sungguh maklumat yang dipaparkan dalam video itu!” kata Chong.

“Benar kata kamu, Chong. Banyak maklumat yang kita dapat daripada video tentang adat makan masyarakat di negara kita itu,” kata Rajesh pula.

“Kaum Melayu makan dengan menggunakan tangan kanan. Jika duduk di lantai, orang perempuan makan secara duduk bersimpuh manakala orang lelaki pula makan secara duduk bersila,” kata Adam.

“Oh, begitu! Kaum Cina makan dengan menggunakan penyepit,” kata Chong pula.

“Orang India pula makan dengan menggunakan tangan. Mereka menggunakan daun pisang sebagai alas makanan. Mereka juga menggunakan dulang atau pinggan mangkuk yang dibuat daripada logam,” kata Rajesh.

“Rakyat Malaysia memang mempunyai adat makan yang berbeza-beza. Hal inilah yang menjadikan negara kita kaya dengan pelbagai kebudayaan yang menarik,” kata Adam.



Ayat ini menunjukkan bahawa Adam, Chong, dan Rajesh menyaksikan video tentang adat makan pelbagai kaum di Malaysia.

- 1 (a) Adam, Chong, dan Rajesh menyaksikan video tentang _____
_____ pelbagai kaum di Malaysia.

[1 markah]

- (b) Bagaimanakah masyarakat Melayu makan jika duduk di lantai?

Jika duduk di lantai, masyarakat Melayu makan _____

[2 markah]

(c) *Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Banyak maklumat yang kita dapat daripada video tentang adat makan masyarakat di negara kita ini.

[1 markah]

(d) *Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Wah, menarik sungguh maklumat yang dipaparkan dalam video itu!” kata Chong.

Chong berasa bangga akan video dan maklumat yang dipaparkan tersebut.	
Chong berasa kagum akan maklumat yang dipaparkan dalam video tersebut.	

[1 markah]



Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Kertas Model 3

TEMA 5 – 6

BAHASA MELAYU [011]**Satu jam lima belas minit**

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “Semalam saya _____ kejohanan sukan peringkat antarabangsa,” kata Amdan kepada Dinesh.

- A ditonton
- B tontonan
- C penonton
- D menonton

**Cara menjawab soalan**

Teliti penggunaan kata berimbuhan yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Ayah Amira merupakan _____ kerajaan yang bertugas di Pejabat Pendaftaran Negara.

- A sukarela
- B kakitangan
- C warganegara
- D tanggungjawab

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

- 3 A Ayah memasang bidai pada segala tingkap rumah.
 B Ibu menyusun semua pinggan di dalam kabinet dapur.
 C Chun Han mendapat tempat kesatu dalam larian perpaduan itu.
 D Berapa buah rumah di kawasan itu memasang bendera Malaysia.

**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat dengan telitinya.
2. Kenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat supaya dapat memilih ayat yang betul dan tidak mengandungi kesalahan bahasa.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Temerloh, 16 Februari – Berpuluh-puluh ikan ditemukan terapung-apung di Sungai Geliga di sini dua hari yang lalu. Ikan-ikan itu disahkan mati akibat sisa toksik. Sisa toksik itu dipercayai berpunca daripada racun serangga kimia dan baja kimia dari kebun sayur berdekatan.

Sehubungan dengan itu, para pekebun diseru untuk menghentikan penggunaan racun serangga kimia dan baja kimia. Sebaliknya, mereka disarankan agar menggunakan racun serangga organik dan baja organik yang lebih selamat dan mesra alam. Tanaman pula menjadi lebih subur. Alam sekitar juga tidak tercemar.



Ayat ini menunjukkan bahawa kejadian ikan-ikan mati itu berlaku pada 14 Februari, iaitu dua hari yang lalu dari tarikh berita dikeluarkan.

4 Kejadian ikan-ikan mati itu berlaku pada

- A 14 Februari.
- B 15 Februari.
- C 16 Februari.
- D 17 Februari.

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Beratus-ratus ikan ditemukan mati di Sungai Geliga.
- B Racun serangga organik tidak selamat untuk tanaman.
- C Para pekebun menggunakan baja kimia di kebun mereka.
- D Ikan-ikan itu mati akibat penggunaan racun serangga organik.

6 Yang berikut ialah keburukan racun serangga kimia dan baja kimia berdasarkan petikan *kecuali*

- A tidak mesra alam.
- B mencemarkan alam sekitar.
- C tanaman menjadi lebih subur.
- D menyebabkan ikan-ikan mati.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1


Sekolah Mei Fang mengadakan Kempen Jom Kitar Semula sempena Minggu Kesedaran Alam Sekitar. Banyak *kebaikan* daripada amalan kitar semula. Oleh itu, murid-murid digalakkan membawa barang yang boleh dikitar semula ke sekolah. Mei Fang teringat akan botol-botol plastik, surat khabar lama, dan majalah lama yang terdapat di rumahnya. Mei Fang meminta kebenaran ibunya untuk membawa barangan itu ke sekolah. Barang-barang itu akan dikumpulkan dan akan dihantar ke pusat kitar semula.

Selain itu, Guru Besar sekolah Mei Fang mengingatkan murid-murid agar sentiasa membuang sampah ke dalam tong sampah kitar semula yang disediakan.

BAHAN 2

KEMPEN JOM KITAR SEMULA

**SEMPENA MINGGU KESEDARAN ALAM SEKITAR
SJKC YUK CHAI**



Barangan yang boleh dikitar semula:

PLASTIK



KACA



KERTAS



E-SISA



Kebaikan:

- Mengurangkan pembuangan sampah
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar
- Mengurangkan penggunaan bahan mentah

FIKIR DULU SEBELUM BUANG



- 7 Sekolah Mei Fang mengadakan
- A jualan barangan terpakai.
 - B Kempen Jom Kitar Semula.
 - C Minggu Cintai Alam Sekitar.
 - D pengumpulan barangan plastik.

- 8 Mei Fang teringat akan botol-botol plastik, surat khabar lama, dan majalah lama yang terdapat di rumahnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A buah.
- B petak.
- C kerat.
- D naskhah.



Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *kebaikan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A faedah.
 - B lebihan.
 - C kegunaan.
 - D kemudahan.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Mei Fang membawa botol-botol kaca ke sekolahnya.
 - B Kertas merupakan bahan yang tidak boleh dikitar semula.
 - C Amalan kitar semula dapat mengurangkan pembuangan sampah.
 - D Guru Besar hendaklah membuang sampah ke dalam tong sampah kitar semula.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Arman berbual-bual dengan datuknya. Datuk Arman ialah bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

“Adakah tugas anggota ATM mencabar, datuk?” tanya Arman.

“Ya, Arman. Tugas anggota ATM mencabar. Mereka perlu menjaga keselamatan negara daripada anasir luar,” jawab datuk Arman.

“Adakah anggota ATM perlu berkhidmat di negara luar, datuk?” tanya Arman lagi.

Datuk Arman mengambil sebuah album gambar dan menunjukkan gambar-gambarnya kepada Arman.

“Gambar-gambar ini diambil ketika datuk menyertai misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di negara-negara luar seperti Bosnia, Lebanon, dan Afrika,” kata datuk Arman.

“Wah, hebatnya datuk!” puji Arman. Dia berasa bangga kerana datuknya telah berjasa kepada negara.



Ayat ini menunjukkan bahawa datuk Arman ialah seorang bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia.

1 (a) Datuk Arman ialah seorang _____

_____.

[1 markah]

(b) Apakah tugas anggota ATM?

[2 markah]

(c) *Gariskan satu kata berimbuhan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Datuk Arman mengambil sebuah album gambar dan menunjukkan gambar-gambarnya kepada Arman.

[1 markah]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Wah, hebatnya datuk!” puji Arman.

Arman memuji kehebatan datuknya.	
Datuk Arman memuji kehebatan Arman.	

[1 markah]



TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.